

04 OCT 2001

BASF PETRONAS

KILANG BASF PETRONAS GALAK PENGGUNA BINA KEMUDAHAN DI KUANTAN

KUANTAN, 4 Okt (Bernama) -- Pemilihan tapak kompleks BASF Petronas Chemicals Sdn Bhd (BPC) di sini, adalah bagi menggalakkan pengguna-pengguna keluaran kilang itu membina kilang masing-masing di sini atau di sekitar kawasan ini, kata Pengerusi BPC, Tan Sri Datuk Mohd Hassan Marican.

Katanya, 80 peratus daripada kimia yang dikeluarkan di kilang BPC adalah untuk pasaran eskport tetapi BPC lebih suka jika pelanggan-pelanggannya mengadakan kemudahan-kemudahan perkilangan mereka sedekat mungkin dengan kompleks BPC.

"Jadi, daripada mengesport produk yang kita keluarkan hari ini, kami berharap pelanggan-pelanggan kami akan menempatkan kemudahan-kemudahan perkilangan mereka di sini," katanya pada sidang media yang diadakan sempena pelancaran kilang BPC hari ini.

Kompleks BPC di kawasan perindustrian Gebeng dekat sini telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tapak "Verbund" seluas 150 ekar ini menempatkan 12 kilang yang mengeluarkan monomer akrilik, produk oxo dan butanediol yang dimajukan dalam tiga peringkat dengan pelaburan bagi tapak-tapak projek berjumlah kira-kira RM3.4 bilion (AS\$900 juta).

Kompleks akrilik mula beroperasi pada bulan Julai, 2000 manakala kompleks bagi pengeluaran syngas, produk oxo, anhidrid phthalik dan plasticiser mula beroperasi pada bulan April 2001. Sebuah kompleks butanediol, yang sedang dibina sekarang, dijadual memulakan pengeluarannya dalam suku keempat tahun 2002.

Hassan yang juga Presiden dan Ketua Eksekutif Petronas berkata bahawa penempatan kilang-kilang dalam kompleks-kompleks bersepadu ini bukan sahaja akan menjadi pemangkin kepada pembangunan perindustrian koridor timur Semenanjung Malaysia, malah juga akan membantu Petronas memenuhi objektif korporatnya untuk menjadikan Malaysia sebuah pusat petrokimia serantau.

"Kimia yang dikeluarkan oleh kompleks ini akan memastikan keselamatan bekalan dalam pasaran domestik untuk menyokong pertumbuhan kegiatan-kegiatan perkilangan hiliran selanjutnya, yang akan mendorong kepada peningkatan pemelbagaian asas industri Malaysia," katanya.

Kata Hassan, walaupun dunia sedang mengalami kelembapan ekonomi, namun keanjalan operasi kilang ini akan membolehkannya mengharungi tempoh-tempoh perit ini.

"Kami rasa kelembapan ekonomi ini hanyalah halangan sementara," katanya.

Pengarah urusan BPC, John Fastier berkata dua kompleks pertama beroperasi sepenuhnya dan pengeluaran kedua-dua kompleks menepati sasaran.

Katanya, meskipun dunia sedang mengalami kelembapan ekonomi dan dijangka menghadapi prospek yang lebih buruk lagi ekoran serangan penganas ke atas AS 11 September lalu, BPC tidak menyaksikan sebarang penyusutan jumlah dan nilai pesanan belian bagi produk-produknya. -- BERNAMA

HIS SEL KY ZK